

PROF. MADYA DR. MOHAMED AZAM
MOHAMED ADIL

Khayalan atau realiti? Pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia

Kuala Lumpur: Ilham Books & IAIS Malaysia, 2019.
ISBN 9789672007180

ULASAN

Buku ini membincangkan tentang pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Sebanyak dua puluh satu (21) bab dikemukakan dan setiap bab mewakili isu yang tersendiri. Pengulas berpendapat tiada kontinuiti dari segi idea atau kandungan untuk menyambung dari satu bab ke bab yang lain. Walau bagaimanapun isu yang dikemukakan masih menyentuh tentang pelbagai isu bertemakan undang-undang Islam di Malaysia. Idea utama buku ini adalah untuk mengharmonisasikan undang-undang syariah dengan undang-undang sivil. Secara khusus diyakini, transformasi undang-undang Islam dapat dilaksanakan sesuai dengan perubahan zaman. Perancangan yang teliti tentang pelaksanaan undang-undang Islam dianggap boleh menjadi realiti jika mendapat sokongan semua pihak dengan mengambil kira kedudukan masyarakat majmuk di Malaysia, sama seperti sistem perbankan dan kewangan Islam yang dapat diterima umum.

Topik tentang isu pelaksanaan hudud, murtad, penjagaan anak berlainan agama, hak wanita dan institusi perundangan Islam paling banyak dibincangkan. Topik-topik ini adalah topik yang berkaitan dengan kepentingan awam. Oleh kerana persoalan yang dibincangkan adalah berdasarkan undang-undang, maka

banyak fakta dan maklumat ditampilkan dengan pembuktian. Persembahan kebanyakan bab adalah merujuk kepada sumber dan mengemukakan nota kaki. Pertanggungjawaban dari segi ilmu adalah jelas.


Buku ini telah memenangi Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia 2020 bagi Kategori Dewasa Bahasa Melayu. Penulis berjaya mengemukakan fakta, perbincangan tentang topik yang dipilih adalah dihujahkan dan dibahaskan secara jelas. Terdapat tafsiran dan pandangan yang dikemukakan berdasarkan fakta dan hujah. Keserlahan dari segi rasional dan keterbukaan pandangan juga ditampilkan. Hal ini dapat menunjukkan kesaksamaan serta nilai kritis pengemukaan pandangan terhadap isu perundangan Islam yang relevan dengan perkembangan semasa dalam negara Malaysia.

Secara umumnya, penulis menggunakan laras bahasa ilmiah dan penghujahannya mampu menyakinkan pembaca melalui kaedah lontaran idea secara induktif dan deduktif. Buku ini sangat padat dengan maklumat perundangan yang boleh dibaca oleh semua golongan dan bukan hanya kepada para peguam sahaja. Buku ini sangat disyorkan buat mereka yang sedang mencari mengenai perundangan Islam di Malaysia.

Pengulas

Sofia binti Osman
Penolong Pengarah
Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



DAVID ST LOH (Photographer) &
BETTINA CHUA ABDULLAH (Text)

Over Penang

Penang: Elaton Publishing, 2019.

ISBN 9789671716403

ULASAN

Buku ini telah merangkul Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia 2020 kategori Dewasa Bahasa Inggeris. *Over Penang* merupakan naskhah yang mengandungi keunikan naratif berdasarkan kewartawanan foto yang amat mengagumkan. Buku ini kekuatannya pada daya imaginasi dan keunikan kewartawanan foto. Melihat sesuatu objek atau elemen kehidupan dari sudut atas (udara) bagaikan senantiasa melihat gambaran besar yang tidak terjangkau pandangan aras daratan dan kedekatan fizikal.

Bagaikan “coffee table book” berjiwa rencana akhbar, buku ini meruntun mata untuk mengusik pemikiran dan sentuhan perasaan. Pengulas berpendapat buku ini mengandungi paparan lebih pada maksud visual berbanding garapan editorial pengkarya untuk mengetengahkan olahan mesej dan isu yang lebih mendalam. Ini tidaklah mencacatkan karya, malah ia menyerlahkan lagi kehebatan foto-foto terpilih dan terbilang itu.

Buku ini merupakan antara buku yang terbaik persembahan visualnya. Kekuatan visualnya disusun dengan begitu baik dan diiringi penulisan yang menyerlahkan maksud. Sudut pandang unik dari udara seperti ini jarang kita lihat


walaupun mungkin ramai yang biasa dengan subjek di Pulau Pinang yang dipaparkan. Melihat kehidupan dan mercu tanda Pulau Pinang dari atas adalah pengalaman unik yang diselami pembaca dengan menatapi buku ini.

Hasil professional kemahiran kewartawanan foto jelas dalam semua foto yang dipaparkan dan ini memberi kelebihan kerana gambar diambil dengan aspek editorial diabadikan dalam setiap foto. Ada kisahnya sendiri yang diserlahkan lagi dengan penulisan isi hati yang begitu arif dan dekat dengan denyut nadi Pulau Pinang. Kualiti foto-fotonya yang bertaraf dunia diiringi kualiti fizikal penerbitan buku ini yang cukup membanggakan. Pemilihan kertas, kulit, tahap percetakan warna dan hiasan kulit depan dan belakang misalnya menyerlahkan gaya, mutu dan keunggulan yang bertaraf antarabangsa.

Pengulas

Mohd Hafiz Salim
Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MUHAMMAD HAJI SALLEH
Pantun : the poetry of passion
Kuala Lumpur: UM Press, 2019.
ISBN 9789831009765

ULASAN

Penulis buku ini merupakan seorang penulis yang amat tersohor dalam bidang penulisan yang telah memenangi pelbagai anugerah di dalam dan luar negara. Buku berbahasa Inggeris ini telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia 2020 kategori Dewasa, Bahasa Inggeris. Naskhah ini mempunyai kekuatannya yang tersendiri sebagai cabang warisan budaya dan jiwa bangsa Malaysia melalui khazanah pantun dan amalan berpantun yang kita warisi.

Kesopanan dan kelembutan bahasa Melayu telah ditonjolkan oleh penulis secara bersahaja pada peringkat awal penulisan buku ini. Ia semakin memikat hati pembaca untuk mengikuti setiap helaian yang terdapat dalam naskah ini kerana terdapat pendapat jujur penulis melalui kajian dan pengamatannya yang begitu jelas dan mendalam sekali. Walaupun buku digarap secara ilmiah, penceritaannya adalah ringkas dan menarik. Semakin menuju ke hujung pembacaan membawa kita ke pemahaman yang menggamit nostalgia dan kecintaan terhadap keunikan warisan kebanggaan negara.


Walaupun penulis memfokuskan penulisannya mengenai unsur bahasa Melayu tetapi naratif subjek pantun mampu menjadi jambatan penghubung kepada pelbagai bangsa yang berlainan citarasa dan berbeza latar belakang, menjadi suatu kualiti yang cukup bagus. Sememangnya ia semakin diperlukan nukilannya, dalam keadaan negara kita yang semakin mara menempuh pelbagai peristiwa dan pancaroba kehidupan. Cara penulisan penulis yang telah menceritakan segalanya mengenai pantun dengan penuh kesungguhan dan ini menjadikannya lebih menarik perhatian pembaca.

Penggunaan naratif menggunakan pilihan kata yang mudah difahami telah memberi kekuatan imaginasi kepada pembaca dengan sulaman unsur kajian dan sejarah yang amat relevan dengan kehidupan masa kini. Perjalanan naratifnya yang membawa pembaca kepada sejarah asal-usul pantun yang dikaitkan dengan budaya dan upacara sehingga ke seantero rantau. Pada masa yang sama ia membina kefahaman yang lebih mendalam kepada kita tentang bentuk dan evolusi pantun itu sendiri.

Pengulas

Nor Azlin binti Sahamed
Penolong Pengarah
Bahagian Sumber Elektronik
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



LING DOH KIN & CLOUD
Yi Qi Lv Xing (On a Journey With You)
Kuala Lumpur: Ling Doh Kin VVF, 2019.
ISBN 9789671557808

ULASAN

Buku ini dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia 2020 kategori Dewasa (Bahasa Cina). Buku ini berkisar dan berlatar belakangkan kisah pengalaman penulis yang hobi mereka adalah melancong dan mengembara ke serata pelosok dunia. Pelbagai bahan dan subjek telah dimasukkan ke dalam penulisan mereka; antaranya berkenaan orang tua yang mengagihkan roti kepada kanak-kanak tempatan di Cuba, kanak-kanak Arab yang bernama Abdul, ibu yang kehilangan anak di Talas, pemandu teksi basikal di Cuba, penjual buku di Havana dan sebagainya.

Subjek-subjek tersebut mencerminkan kehidupan dan pengalaman penulis dan juga golongan masyarakat di negara-negara tersebut. Penulis cuba menyorot kehidupan golongan masyarakat biasa dan bawahan di setiap negara yang dilawati oleh mereka. Kandungan buku ini adalah asli, jelas dan mudah untuk difahami. Walaupun peristiwa yang diceritakan dalam buku ini bukan peristiwa yang besar, tetapi ianya luahan perasaan penulis dan juga mencerminkan keadaan masyarakat di setiap negara yang dilawati. Penulis cuba menyerapkan nilai yang positif kepada pembaca seperti bersyukur dengan kehidupan, saling mengambil berat dan membantu antara satu sama lain.

Hasil garapan penulis membolehkan pembaca mengetahui keadaan, ciri istimewa dan budaya negara atau kawasan yang pernah dilawat oleh penulis. Bahasa Cina yang digunakan adalah tepat dari segi tatabahasa dan urutan kata. Selain itu, bahasanya juga bersifat asli, lancar dan mudah difahami. Tambahan pula, sesetengah bahasa yang digunakan oleh penulis memiliki ciri sastera yang ketara serta penggunaan perkataan dan tanda baca yang tepat dalam penulisan. Bagi menimbulkan kesan visual yang menarik, penulis turut berkongsi gambar-gambar menarik-sepanjang mereka mengembara bersama pembaca. Buku ini sesuai dijadikan bacaan kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Sebagai pengulas saya terharu apabila membaca bahagian “*Good bye, for the final time*” dan “*Homecoming*” yang mana menunjukkan sisi kemanusian yang sangat tinggi. Hasil penulisan dua orang penulis ini menonjolkan pemikiran positif mereka di samping menonjolkan keprihatinan mereka terhadap golongan masyarakat bawahan. Dicadangkan agar sebuah buku yang menceritakan pengalaman melancong di Malaysia khususnya ke kawasan pedalaman dan kawasan Orang Asal diterbitkan pada masa yang akan datang.

Saya amat mengesyorkan buku ini untuk dijadikan bacaan umum kepada para penggembira. Walaupun tidak berpeluang untuk ke setiap negara yang diceritakan oleh penulis namun pembaca masih boleh mengembara bersama-sama dengan penulis melalui pembacaan.

Pengulas


Lai Sow Woon

Penolong Pengarah

Bahagian Teknologi Maklumat

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



YEOP MIE
Di mana? Di mana?
Kuala Lumpur: Al- Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd, 2019.
ISBN **9789673624119**

ULASAN

Buku *Di mana? Di mana?* sesuai untuk dijadikan buku bacaan kepada kanak-kanak. Buku ini telah memenangi Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia 2020 bagi Kategori Kanak-kanak Bahasa Melayu. Buku ini dapat membantu kanak-kanak dalam mengurus emosi iaitu perasaan resah. Stress adalah sebahagian daripada hidup ini. Perasaan resah berlaku apabila berdepan dengan keadaan yang menyebabkan stress. Dalam buku ini, mengisahkan Miong yang tersesat jalan (punca stress) dan tercari-cari jalan pulang yang menimbulkan resah. Pada awalnya Miong sangat gembira bersiar-siar di sekeliling taman. Namun, setelah berjalan, Miong resah kerana tidak menjumpai jalan pulang diekori dengan hujan lebat. Miong kebingungan untuk mencari tempat berteduh dan bertenang. Akhirnya setelah hujan reda, Miong berjaya mencari jalan pulang dan menjumpai rumahnya semula.

Buku ini menguji kemahiran-kemahiran kanak-kanak dalam pembacaan seperti mendengar dan menyebut bunyi-bunyi asas (fonem), mengaitkan bunyi dengan huruf atau gabungan huruf yang melambangkan bunyi tersebut, memilih dan memisahkan bunyi-bunyi yang sesuai dalam suatu perkataan serta

memadukan bunyi-bunyi asas untuk membentuk suku-suku kata dan seterusnya memadukan suku-suku kata untuk membentuk perkataan.

Sebagai pengulas, saya amat mengesyorkan buku ini untuk dijadikan bacaan kepada kanak-kanak kerana buku ini mengajar kanak-kanak mengenal dan mengurus emosi melalui penceritaan. Ini amat penting untuk membina konsep kendiri yang positif. Selain itu, buku ini sesuai kepada kanak-kanak kerana ia dapat membentuk perkembangan literasi kanak-kanak melalui bacaan cerita berima beserta ilustrasi bersesuaian. Teknik bacaan seperti bacaan bersama dan bacaan dengan bersuara boleh diaplikasikan supaya penceritaan lebih bermakna. Buku ini juga menyediakan *QR Code* untuk diimbas bagi mendapatkan aktiviti pengukuhan berkaitan buku ini.

Pengulas

Shahruhaida Adayu Mohd Paili
Penolong Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



WADIASSOFI JAAFAR
Umi maafkan adik
Sintok, Kedah: UUM Press, 2019.
ISBN 9789672064343

Penulis telah memilih *Umi Maafkan Adik* sebagai judul cerpen ini. Maka ilustrasi yang dipilih adalah gambar seorang anak yang sedang menangis berdoa di atas sejada, mengenang ibunya yang telah meninggal dunia. Buku ini telah berjaya menggondol johan pemenang Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia 2020 Kategori Kanak-kanak (Bahasa Melayu).

Setiap bab buku ini juga menampilkan ilustrasi mewakili setiap cerita. Buku ini memuatkan lapan buah cerpen yang ditulis dengan pelbagai tema yang menjurus kepada golongan kanak-kanak. Cerpen ini ditulis untuk menarik minat golongan kanak-kanak menghayati dan memahami setiap nilai yang tersingkap di dalamnya. Kesemua cerpen dalam buku ini berkaitan dengan dunia kanak-kanak dan mempunyai kelainan pada setiap penceritaan. Nilai yang dipaparkan diharap berupaya memberi cabaran baharu dan mampu menyuntik semangat kepada kanak-kanak untuk menjadi insan yang terbaik dalam kehidupan seharian dan berjaya dalam pelajaran.

Sebagai pengulas, buku ini memenuhi konvensi “cerpen” maka buku ini sedayana memuatkan catatan ayat, diksi dan gaya bahasa yang bukan hanya jernih tapi tinggi nilai estetikanya. Walaupun masih ada diksi yang bertindanan

atau berunsur popular penulis tetap berusaha memelihara keseluruhan bahasa buku ini. Kesederhanaan penggunaan laras bahasa dapat difahami kanak-kanak yang bersedia membaca genre cerpen.

Kanak-kanak diasuh menjadi anak yang baik sepetimana dinyatakan penulis pada segmen pengajaran sebelum setiap bab bermula. Secara teknikal, kesan pengajaran ditampal penulis pada setiap permulaan bab disampaikan secara langsung dan mudah untuk kanak-kanak memahaminya. Buku ini sarat mengandungi moral yang ditulis oleh penulis pada ruang Sari Rangsangan.

Pengulas


Dayang Norainie Awang Junidee

Penolong Pengarah

Pusat Bibliografi Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



CHONG PEI CHIN

Ha yuan tata wang guo

Kuala Lumpur : Chee Sze Poh Sdn. Bhd, 2019.

ISBN 9789672022862

ULASAN

Buku ini telah memenangi Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia 2020 bagi kategori Kanak-Kanak Bahasa Cina. Penulis telah menjadikan ahli sihir wanita dalam dunia misteri dan pelajar sekolah dalam dunia nyata. Garapan ceritanya adalah jelas, teratur dan menarik. Ceritanya senang difahami dan tidak membosankan. Penulis bijak menggunakan bahasa yang tepat dari segi tatabahasa dan urutan kata bahasa Cina. Selain itu, bahasanya juga bersifat autentik dan mudah difahami, iaitu sesuai dibaca oleh pelajar sekolah rendah dan menengah. Bahasa yang digunakan dalam pertuturan watak dalam cerita adalah sesuai dengan watak masing-masing yang dicipta oleh penulis. Penyusunan teks dan visual yang sesuai membuatkan buku ini menarik untuk dibaca. Buku ini sangat bersesuaian untuk bacaan santai kanak-kanak.

Cerita dan idea penulisan adalah asli. Selain itu, ceritanya juga memberikan teladan kepada pembaca bahawa seseorang yang berbuat jahat pastinya akan dibalas dengan kejahatan. Ianya akan memberi ajaran dan nilai murni yang positif kepada kanak-kanak. Penulis cuba menyampaikan bahawa dunia ahli sihir dalam buku sebenarnya mencerminkan dunia nyata yang sebenar.

Ianya membolehkan pembaca (khususnya kanak-kanak) mengenali dunia manusia yang terdiri daripada unsur baik dan buruk.

Penulis memperlihatkan sisi kreatif beliau apabila bijak mewujudkan konflik di antara watak-watak tertentu dalam cerita seperti “ahli sihir putih” dengan “ahli sihir hitam” menjadikan jalan cerita yang menarik. Banyak dialog digunakan dalam cerita ini dan ia membantu mata pembaca untuk terus bergerak ke halaman seterusnya.

Sebagai pengulas, saya amat mengesyorkan buku ini untuk dijadikan bahan bacaan kepada kanak-kanak. Buku ini dapat mengajar kanak-kanak tentang nilai-nilai murni bagi membina sahsiah diri yang baik. Ia penting untuk membina jati diri yang lebih positif. Bagi kanak-kanak yang suka membaca kisah seram dan mistik, maka buku ini sangat sesuai untuk mereka.


Pengulas

Kong Sing Hong

Penolong Pustakawan (S38)

Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ROSERQ MOKHTAR
Sebelum matahari tidur
Petaling Jaya, Selangor : Random Roses Publishing, 2018.
ISBN 9789671558706

Sebelum Matahari Tidur mengisahkan seorang penyiasat persendirian, Daniel Shafi, yang bercita-cita menjadi jurugambar NatGeo. Namun, nasib membawanya kepada kehidupan yang lebih bermakna dari jurugambar yang diimpikan. Jalan cerita novel ini penuh dengan teka-teki, dari aspek kehidupan yang diganggu susulan kehadiran beberapa watak, secara langsung dan tidak langsung, dalam pengembaraannya.

Sepanjang perjalanan hidup beliau, berlaku beberapa kejadian menginsafkan yang membuka matanya tentang kewujudannya di dunia ini. Novel ini turut mendedahkan, masih banyak insan yang baik di dunia ini sekali gus membuktikan juga sekiranya kita mengubah perspektif cara memandang dunia, ia akan memberi impak luar biasa kepada keseluruhan kehidupan seharian. Penulis novel ini telah menggambarkan Shafi sebagai seorang individu yang berpegang kepada prinsip 'Tidak ada satu pun kebetulan itu tanpa campur tangan Tuhan.'

Penulis turut menggambarkan watak Shafi sebagai seorang lelaki yang memiliki raut wajah yang sempurna dan berpegang teguh pada agama.

Disebabkan itu, 2 orang wanita di dalam novel ini mulai jatuh hati dan memendam rasa terhadap Shafi. Siapakan yang akan dipilih oleh Shafi? Ke mana sahaja Shafi melangkah, karismanya amat menarik minat gadis-gadis seperti magnet. Shafi tidak pernah mengendahkan semua itu, lebih selesa sendiri, bebas untuk ke mana sahaja mengikut gerak hatinya tanpa sekatan. Penulis bukan sahaja bercerita kepada pembaca tetapi juga penulis membawa pembaca melancang ke beberapa lokasi menarik di dunia. Ikuti pengembaraan ibadah alam dan kisah cinta Daniel Shafi di negara Tembok Besar China, negara matahari terbit, Jepun, Siem Reap, negara romantik, Republik Czech, bandar besar gemilang Paris dan berakhir di Kota elegan Bath, England.


Buku ini telah memenangi Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia 2020 bagi Kategori Pilihan Pembaca Bahasa Melayu. Penulis berjaya menyampaikan cerita dan gaya bahasa yang bersahaja membuatkan pembaca tidak bosan dan ingin mengetahui pengakhiran kisah Shafi dengan segera. Disamping membawa pembaca menelusuri keindahan dunia ciptaan Allah penulis turut menyelitkan kisah cinta segitiga yang terjadi antara dua orang wanita yang membuatkan jantung pembaca berdegup laju untuk melalui konflik dalam novel ini. Mereka harus berjuang dan menerima berbagai rasa sakit untuk mencapai kebahagiaan dan cinta sejati mereka. Buku ini sangat disyorkan kepada semua pengembara dunia, pencinta genre fantasi dan cinta yang membuatkan pembaca sering berimajinasi dengan keindahan alam dan persekitaran yang disampaikan oleh penulis.

Pengulas

Syarifah Azmirina binti Syed Baniamin
Penolong Pengarah
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU

"Hello" 18-08079. Either Amy was at their house or Sarah would be hanging on the phone. They were not able to see each other because they had just got off the plane. She told him the good news, Sarah had been accepted at Reading University to pursue law; something that she has been working hard for over last few years. "I am so happy for you, Sarah. I am so proud of you. You are such a good girl." At that time John was still posted in London and they were going to visiting universities that was offering law degree courses; over the syllabus and the price. They visited some of the universities in London, Oxford and Cambridge. Although Sarah did not like the way the university was, she still wanted to visit the University that Sarah completed. She fell in love with the place. So then, she knew where she wanted to do her law. Sarah thought that Reading looks like a scene from "Pride and Prejudice", one of her favorite book. It didn't matter as her that Reading wasn't a top university to do law. Reading University is not one of popular choice for anyone who wants to pursue law. It's not like Cambridge or Oxford, but Sarah is not like everyone else. Sarah believes in finding her own way, in her own special, other than Amy's, way. She is also making her own mistakes. She is also progressing. The books that she reads are not necessarily the ones that her rakan sebangkuhan reads. Sarah and Rayyan are best friends. Rayyan could not understand why Sarah was so interested in reading. Will Rayyan make new friends? Will he be able to cope with the pressure of being on his own? Rayyan made a dilemma about his life.



NORHAFSAH HAMID

Letters to god

Seri Kembangan, Selangor: Iman Publication,
2019.

ISBN 9789832423522

ULASAN

Buku ini telah merangkul Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia 2020 bagi Kategori Pilihan Pembaca Bahasa Inggeris. *Letters to God* berkisah mengenai seorang anak gadis yang menyambung pengajian di Luar Negara. Penulis menggambarkan Sarah seorang introvert. Penulis membawa pembaca kepada liku-liku kehidupan Sarah di kampus dan cabaran yang dihadapinya dalam usaha untuk menyeimbangkan kehidupannya sebagai pelajar dan pencari rohani.

Naskhah ini dimulakan dengan perbualan telefon antara Sarah dan rakan baiknya, Amy mengenai keputusan penempatan universiti mereka. Kedua-dua mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke United Kingdom cuma berlainan daerah dan Universiti. Catatan pertama atau *her first letter to God* lebih kepada perasaan bimbangnya untuk memulakan pengajian dan kehidupan di tempat yang asing, jauh dari keluarga dan juga jauh dari rakan baiknya Amy. Namun Sarah berjanji yang dia akan selalu menulis surat kepada Tuhan untuk meluahkan isi hatinya.

Jauh di sudut hati Sarah ingin mendalami dan mempelajari ajaran Islam namun pelbagai halangan dihadapinya membuatkan usaha dan niat sucinya

terbantut. Segalanya mula berubah apabila Sarah mulai sampai di UK. Keadaan di sini amat berbeza kerana Sarah berhadapan dengan individu-individu yang mempunyai pengetahuan agama yang lebih mendalam tetapi menunjukkan sikap kasar dan sompong di atas ilmu yang dimiliki. Sarah terfikir alangkah ruginya insan-insan sebegini mempunyai ilmu tetapi tidak mengaplikasikannya di dalam kehidupan. Sarah dan rakan-rakan mulai lebih memahami agama Islam dan penganutnya. Walaupun mereka berlainan bangsa, agama dan negara asal mereka saling menghormati antara satu sama lain dan menjadikan persahabatan mereka erat.

Pengulas berpendapat naskhah ini sangat ringkas gaya penulisan dan penyampaiannya. Setiap bab mengandungi kandungan surat yang ditulis oleh Sarah kepada Tuhan. Setiap surat itu menceritakan apa yang telah dialami oleh Sarah. Adakalanya, kandungan surat itu lebih kepada sesi meluah rasa antara seorang hamba dan pemiliknya. Selain itu, apa yang menariknya mengenai buku ini diselitkan dengan petikan ayat al-Quran yang ringkas namun sesuai dengan cerita yang disampaikan oleh Sarah. Bagi pengulas, potongan ayat tersebut sangat menjentik hati tatkala mengalami situasi yang sama seperti Sarah.

Watak Sarah digambarkan sebagai seorang gadis yang sedar kekurangan dirinya didalam ilmu agama namun masih berusaha untuk mencari ilmu walau apa-apa pun halangannya dan juga berusaha untuk menjadi muslimah yang terbaik. Sepanjang perjalanan mengejar kebaikan, pelbagai ujian persekitaran yang tidak islamik, pergaulan bebas yang berada dihadapan mata, salah faham orang bukan Islam kepada Islam, kata-kata umpatan dan fitnah yang bertalu-talu datang dari orang lain yang mencemburuinya dan pelbagai ujian lain. Naskhah ini sangat bagus untuk bacaan anak muda remaja yang sentiasa dahagakan ilmu dan ingin mencari hidayah. Buku ini sangat menarik namun pengakhiran cerita ini tergantung.

Pengulas


Rosliza binti Ismail

Penolong Pengarah

Pusat Bibliografi Negara

Perpustakaan Negara Malaysia


SINOPSIS BUKU



**Ordinary women
extraordinary lives**
Kuala Lumpur: Yayasan Wiba
Prima, 2021.
ISBN: 9789671827116

Ordinary Women Extraordinary Lives is a collection of essay written by a group of women who between 1965 and 1971 attended one of Malaysia's premier all-girls boarding schools. Tunku Kurshiah College (TKC). The sisterhood bonds cultivated in the fraternity of the school spurred them to write this book to reflect their various journeys, experiences as experts in their fields, new-found passions and their nostalgia while at TKC. Some are stories of their journeys made after leaving the school to pursue their respective careers. Some are hilarious reflections of life at a boarding school. They became doctors, lawyers, accountants, a nuclear scientist, professors, research scientist, teachers and some held high management positions in government departments and the private sector. One took on a very influential position as the first woman to be appointed into the office of Deputy Prime Minister of Malaysia.

SINOPSIS BUKU




Modul falsafah dan isu semasa

Kota Bharu, Kelantan: Penerbit UMK, Universiti Malaysia Kelantan, 2020.
ISBN: 9789672912064

Modul ini dibangunkan dengan tujuan untuk mempersiapkan generasi baharu agar berupaya berfikir secara kritikal dan rasional dalam menangani pelbagai cabaran pemikiran yang berkait dengan isu dan ideologi semasa. Antara cabaran besar tersebut ialah mempertahan dan mengekalkan jati diri dalam menghadapi gerakan ideologi relativisme pasca moden global yang menisbikan segala bentuk hakikat dan kebenaran dalam kehidupan. Berdasarkan latar tersebut, modul ini membincangkan mengenai epistemologi, metafizik, psikologi dan sosiologi, logik dan metodologi yang bersambungan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Secara keseluruhan, modul ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu kontekstualisasi falsafah, analisis falsafah dan aplikasi falsafah bagi mendepani isu dan ideologi semasa.


SINOPSIS BUKU



**Serambi taulan pemerian
Muhammad Haji Salleh**
Kota Bharu, Kelantan: Penerbit
UMK, Universiti Malaysia
Kelantan, 2020.
ISBN: 9789672229841

Buku ini adalah koleksi sumbangan tulisan dan seni daripada para individu yang mengenali rapat tokoh Sasterawan Negara iaitu Profesor Emiritus Dr. Muhammad Haji Salleh. Mereka menulis tentang kenangan, pengalaman serta tanggapan dari kaca mata dan persepsi masing-masing berkenaan tokoh ini. Kita akan dapat berkongsi serta mengenali para kenalan akrabnya untuk turut menghayati pepatah, "berkawan biar beribu" dan ikut menelusuri kenangan, pengalaman dan perjalanan dalam sejarah hidup beliau supaya kita dapat menjelak iktibar daripada segenap liku "jauh berjalan, luas pandangan". Semua sahabat dan kenalan Muhammad Haji Salleh yang terkumpul dalam buku ini adalah ibarat sedang bersila, berkumpul penuh di serambi dan kita akan mendengar bingkisan budi catatan memori sepanjang ukhwah mereka.

SINOPSIS BUKU




AYESHA SYAHIRA
Talk to Allah : finding comfort by making du'a to Him

Selangor: Iman Publication Sdn. Bhd, 2020.
ISBN: 9789832423997

When was the last time we really poured our feelings out to Allah? We have been taught that the only time we can communicate with Allah is when we are making du'a to Him. Even then, it comes with a set of restrictive rules that puts a 'barrier' between Allah and us. The things we recite are verses that we were told to memorise, but rarely do we truly talk to Allah about the troubles that are weighing down our hearts. Because it feels awkward. Thus when we are down and sad, we seek other means for comforting ourselves, but often they offer only temporary respite. We forget that true comfort lies only with Allah. In this book, author Ayesha Syahira takes you on a journey of spiritual discovery of reconnecting with Allah wholeheartedly. The author focuses on nurturing the lifestyle of talking to Allah in finding comfort by making du'a to Him at any time of the day.


SINOPSIS BUKU



ALANG IBN SHUKRIMUN
Hadis 40 sahabat di sisi Rasulullah : ibrah tarbawi haraki : menelusuri kisah-kisah sahabat ditarbiyah insan agung
Bandar Baru Bangi: Alang Ibn Shukrimun, 2018.
ISBN: 9789671583906

Buku ini mengumpulkan kisah menarik daripada 40 orang sahabat Rasulullah S.A.W. terpilih. Dalam setiap kisah sahabat, didatangkan bersama hadis sabdaan Nabi S.A.W. khusus mengenai sahabat tersebut. Sahabat yang dipilih juga berdasarkan kisah mereka yang memiliki nilai tarbiah Islam yang baik untuk dijadikan tauladan buat umat Islam. Susunan buku dimulakan dengan pengenalan mengenai erti sahabat di sisi Islam. Selepas itu didatangkan dengan kelebihan para sahabat berdasarkan dalil al-Quran, Sunnah dan logik akal. Kemudian diterangkan konsep susunan buku ini secara terperinci beserta sumber rujukan. Baharulah masuk kepada satu persatu kisah sahabat. Permulaan setiap kisah diberi pengenalan mengenai biodata sahabat secara ringkas, kemudian diikuti dengan pengkisahan beberapa episod hidup mereka yang menarik. Di tengah-tengah kisah, diselitkan satu atau lebih sabda baginda S.A.W. mengenai mereka. Akhirnya ditutup dengan kisah mendatangkan pengajaran yang berguna buat umat Islam sebagai suri tauladan.

SINOPSIS BUKU




Hikayat Puteri Badariyah :
(ditulis tahun 1848M)
Kajang, Selangor: Abu Muawiyah (Supandi Said),
2021.

ISBN: 9789671847015

Hikayat Puteri Badariyah merupakan transliterasi jawi ke rumi dari sebuah manuskrip Melayu lama yang ditulis pada tahun 1848 Masehi dan kini tersimpan di Perpustakaan Berlin, Jerman. Naskhah ini sebenarnya merupakan bunga rampai hikayat Melayu yang mengandungi 17 kisah di dalamnya dan buku ini adalah siri pertama yang mengandungi tiga cerita daripadanya. Adapun kisah Puteri Badariyah sangatlah menarik menceritakan tentang seorang puteri yang sangat jelitawan sehingga sesiapa melihat rautnya pasti tertawan dan berahi hatinya. Betapa liku dan ranjau terpaksa dilalui Puteri Badariyah dari seorang anak raja hingga terpaksa melarikan diri dan menjadi fakir miskin demi menyelamatkan maruahnya dari dinoda oleh menteri kepercayaan ayahandanya sendiri. Selain itu, dalam siri pertama ini juga termuat lagi dua kisah iaitu *Kisah Sultan Moghul dan Anaknya Burhan al-Arifin* serta *Kisah Raja Hindustan dan Seekor Ular*.


SINOPSIS BUKU



NASRUDIN HASSAN, WAN
HAMIDAH WAN DAUD
Fiqh keluarga syurgawi
Putrajaya: Yayasan Dakwah
Islamiah Malaysia, 2021.
ISBN: 9789675128578

Seorang muslim yang berjuang untuk menegakkan agamanya pasti mempunyai kesedaran dan kefahaman yang jelas bahawa perjuangan ini mempunyai *maratib* (peringkat-peringkat) amal Islami yang mesti diselesaikan oleh setiap individu muslim. Peringkat yang paling asas kepada perjuangan ini ialah pembentukan peribadi atau *syakhsiah* yang solehah. Pembentukan peribadi muslim lahir daripada acuan akidah Islam yang benar, fikrah Islam yang jelas dan akhlak Islam yang soleh yang akan mewarnai kehidupan yang sejahtera di dunia dan terpelihara di akhirat. Justeru peribadi yang soleh dan solehah ini akan berpasangan membina rumah tangga dan kemudiannya akan lahirlah keluarga yang besar seterusnya membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun. Bagi seorang muslim, mendirikan rumah tangga bukan sekadar memenuhi impian. Dalam Islam sebuah pernikahan adalah untuk merealisasikan sunnah Rasulullah S.A.W. Buku ini membincangkan peranan dan tanggungjawab membina keluarga dalam perspektif yang merangkumi kesejahteraan masyarakat dan alam.


SINOPSIS BUKU



SUJATA WEE
**Kumpulan sajak dan cerpen :
tidak terkalahkan**
Kota Bharu, Kelantan:
Persatuan Penyair Malaysia
(Cawangan Kelantan), 2021.
ISBN: 9789671907207

Sujata Wee (Sujata) adalah ahli Persatuan Penyair Kelantan (PPK) dan berketurunan Peranakan Cina Kelantan (PCK) yang mengamalkan budaya campuran antara Cina, Melayu dan Siam. Terdapat 67 buah sajak dan 5 buah cerpen yang termuat dalam buku ini, yang mana pemikiran yang mahu dibawa oleh penulis adalah tentang semangat yang lahir daripada cabaran dan dugaan di pelbagai tahap kehidupan. Sajak-sajak Sujata disampaikan secara bersahaja, tidak terlalu bombastik dan banyak berkias. Sajak-sajak Sujata yang dipilih bertemakan perlembagaan, undang-undang, daulat maruah, pahlawan, kesusasteraan, perpaduan, persengketaan, srikandi dan peradaban yang memberikan semangat, rasa cinta dan kesetiaan kepada negara. Cerpen-cerpen Sujata membawakan naratif kehidupan khusus kepada masyarakat Melayu, Cina dan Siam di Kelantan bercirikan majmuk, persoalan kekeluargaan serta unsur budaya setempat yang unik.


SINOPSIS BUKU



Modul : sijil eksekutif pengurusan teknologi penanaman tebu profesional
Batu Pahat, Johor: Penerbit
UTHM, 2021.
ISBN: 9789672975090

Buku ini merupakan suatu perkongsian dan gabungan idea daripada beberapa insan berpengalaman yang mencari kelainan teknik dalam dunia pertanian khususnya dalam melahirkan usahawan professional yang berjaya khususnya dalam pengurusan teknologi tanaman tebu. Hasil kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan Koperasi Pembangunan usahawan Bestari Johor Bhd. (KPUBJB) dalam membangunkan program persijilan ini diharap dapat melahirkan suatu modal insan yang berilmu dalam memahami dan mengaplikasi teknik penanaman yang berkesan bermula dari pemilihan tanah sehingga kepada aspek pemasaran. Setiap bab dalam buku ini memberi panduan informasi dan maklumat berkesan hasil daripada hampir lima tahun pengalaman pihak KPUBJB mengendalikan setiap aspek pengurusan penanaman dan pemasaran tebu sehingga ke pasaran antarabangsa. Buku ini sesuai dijadikan rujukan terutamanya kepada para pengusaha serta usahawan tebu yang berhasrat untuk mendalami ilmu pengurusan penanaman tebu sehingga dapat mengeluarkan produk yang berkualiti dan dapat dipasarkan ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

SINOPSIS BUKU




Pentafsiran baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan pelaksanaannya pasca 2020

Kuala Lumpur: IIUM Press,
2020.

ISBN: 9789674910570

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan kemudiannya Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sudah berusia tiga dekad. Dalam jangka masa 30 tahun, dunia telah banyak berubah sesetengahnya berpaksikan perkembangan pesat pendidikan tempatan sejagat. Sebahagian lagi didesak pula oleh pelbagai pihak khususnya industri serta ideologi lain ke atas dunia pendidikan. Faktor ini sudah cukup memberi isyarat bahawa pendidikan wajar dipandu dan dibimbing supaya ia tidak diheret ke sana ke sini sehingga terkeluar daripada matlamat serta acuan kita sendiri. Ini sekali gus meletakkan keyakinan bahawa apa juga penilaianya kelak, FPK masih relevan dan sesuai untuk abad ke-21 dalam melaungkan agenda pendidikan negara dan sejagat. Bagi tujuan ini beberapa orang penulis yang pakar dalam bidang masing-masing telah diundang khas agar dapat berkongsi ilmu serta pengalaman mereka dalam mengemudi FPK ke alam baharu tanpa mengenepikan sejarah, hikmah dan liku-liku yang dialami dalam membentuk dan mencorakkan kerangka utama pendidikan negara.

SINOPSIS BUKU




SHUHAIRIMI ABDULLAH
Keusahawanan Islam di
Malaysia : perkembangan
dan cabaran

Kangar, Perlis: Penerbit
UniMAP, 2020.
ISBN: 9789670922959

Penulisan keusahawanan Islam akan membawa pembaca untuk memahami isu-isu yang sering dibincangkan dalam keusahawanan. Ini kerana, persoalan kemanusiaan sentiasa bersifat kompleks dan dinamis bersesuaian dengan realiti dan kondisi sesuatu masyarakat. Pelbagai cabaran dan rintangan perlu dihadapi oleh manusia demi meneruskan kelangsungan kehidupan di muka bumi dengan sejahtera khususnya dalam konteks keusahawanan. Topik perbincangan ini dimulakan dengan konsep keusahawanan kemudian diikuti dengan konsep keusahawanan Islam. Selanjutnya, perbincangan difokuskan kepada kedudukan ilmu keusahawanan dari sudut muamalah Islam. Bagi memberi gambaran yang jelas, konsep keusahawanan berjaya dikupas dengan mengambil kira pandangan al-Quran dan hadis supaya para pembaca mendapat gambaran yang jelas mengenai konsep pandang semesta Islam berkaitan keusahawanan. Penulisan ini turut membincangkan cabaran yang dihadapi dan peranan kerajaan serta kepentingan pembudayaan keusahawanan Islam pada masa kini. Semua perbincangan ini disertai dengan contoh-contoh negara Malaysia pada hari ini.


SINOPSIS BUKU



SALMAH YAAKOP, RABIBAH
RAZALI
**Penyengat baik
berkepentingan ekonomi**
Bangi, Selangor: Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672429883

Penyengat merupakan spesies serangga yang penting dan hadir di pelbagai ekosistem di dunia. Ia penting dan berperanan sebagai parasitoid, iaitu sebagai serangga pembunuh serangga. Oleh sebab itu, spesies ini penting dengan bertindak sebagai agen kawalan biologi ke atas spesies serangga perosak. Penggunaan penyengat ini dikenal pasti berkepentingan ekonomi melalui pengurangan aplikasi atau tanpa penggunaan racun serangga, iaitu insektisid di ekosistem. Hasil daripada penggunaan parasitoid ini mampu mengekalkan keseimbangan ekosistem secara amnya dan secara khususnya untuk kesihatan alam sekitar dan manusia. Maklumat awalan kepelbagaian dan taburan spesies ini mampu memberikan data awalan dan maklumat tentang kepelbagaianya di ekosistem-ekosistem tertentu dan seterusnya dijangkakan akan memberikan impak dan laluan permulaan yang baik ke atas kajian-kajian susulan yang mempunyai kaitan atau hubungan interaksi dengan spesies penyengat ini dan ekosistem di sekelilingnya.


SINOPSIS BUKU



MOHD. FADLI GHANI
Kelantan : Islam, ulama dan politik
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia,
2021.
ISBN: 9789674608637

Buku *Kelantan: Islam, Ulama dan politik* membincarkan peranan Islam dan ulama dalam perkembangan sejarah politik Kelantan sejak sebelum abad ke-15 Masihi lagi. Perkembangan Islam di Kelantan dikatakan bermula sejak awal abad ke -11 Masihi dan berpengaruh ke atas pemerintahannya, sehingga tercatat pada dinar emas Kelantan al-Mutawakkil ála Allah yang bertarikh 1118M. Islam berkembang pesat melalui peranan serentak raja sebagai pemerintah dan ulama sebagai wazir serta pendakwah. Kemuncak kepada perkembangan ini, Kelantan direkodkan sebagai sebuah negeri yang kuat beragama, memiliki raja yang soleh, melaksanakan undang-undang syariah, menjadi pusat perkembangan ilmu Islam dan memiliki ulama yang berpengaruh pada penghujung abad ke-19 Masihi. Pada abad ke-20 pula, muncul tokoh ulama yang berpengaruh dalam politik, seperti Dato' Perdana Nik Mahmud dan Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat. Peranan ulama dalam politik Kelantan turut berlaku melalui institusi pendidikan, iaitu pondok dan madrasah. Tok Ayah Kedah dan Maulana Abdullah Noh diangkat dalam penulisan ini bagi memperlihatkan peranan mereka terhadap perkembangan Islam di jalur politik.

SINOPSIS BUKU



AYU ROSLI, NORASYIKIN OSMAN
Memoir mangsa kekejaman Khmer Rouge tahun 1975-1979
Kuala Lumpur: Merekareka Studio, 2020.
ISBN: 9789671859902

Buat pertama kalinya sejarah hitam *Memoir Mangsa Kekejaman Khmer Rouge Tahun 1975-1979* berjaya dinukilkkan dalam Bahasa Melayu selepas empat dekad peristiwa ini berlaku. Buku ini merupakan catatan pengalaman empat orang mangsa bersama keluarga mereka yang melalui tahun-tahun getir mempertahankan keimanan mereka di bawah pemerintahan Khmer Rouge atau Tentera Merah pimpinan Pol Pot yang tidak percayakan agama. Kebuluran, penyeksaan, buruh paksa, pembunuhan tragis ahli keluarga, tangisan derita dan kematian melatari kehidupan selama tiga tahun sepuluh bulan masyarakat Melayu Cham sebelum askar Vietnam bertindak menceroboh masuk dan menjatuhkan rejim Pol Pot. Bukan calang-calang orang mampu menghadapi krisis yang mereka hadapi. Dengan menelusuri kisah hidup mereka, secara tidak langsung kita akan mensyukuri setiap nikmat hidup yang dikurniakan Allah S.W.T. kepada kita iaitu kebebasan, kesihatan, makanan yang melimpah-ruah dan yang utama sekali ialah nikmat iman. Sejarah hidup yang dilalui oleh ahli keluarga mereka wajar kita simpan agar menjadi pedoman anak cucu pada masa hadapan dalam menghadapi tribulasi kehidupan yang kian mencabar.


SINOPSIS BUKU



MIFTAHUL ASROR MALIK
Add pahala remove dosa charge iman : dunia adalah ladang akhirat
Rawang, Selangor: Pustaka Ilmuwan, 2020.
ISBN: 9789672119319

Pada dasarnya apa-apa yang dikerjakan oleh seseorang dapat bernilai ibadah dan berbuah pahala jika ia sentiasa mendasarkan segala perbuatannya itu sesuai menurut syariat Islam. Melalui buku ini, penulis hendak menyampaikan aktiviti harian yang biasanya dibuat oleh orang agar dikira ibadah. Buku ini mengkaji pelbagai keutamaan amal-amal harian yang mudah dipraktiskan dan dijalankan selama 24 jam penuh di zaman sekarang, terutama bagi para remaja. Ia berusaha menelaah pelbagai hal yang sepatutnya dilakukan oleh seorang hamba hampir setiap hari dalam kehidupannya sesuai dengan ajaran al-Qur'an. Ia juga menunjukkan bagaimana seorang Muslim harus menyingski pelbagai kejadian sehari-hari dan situasi yang dihadapinya serta memberikan tuntutan cara-cara yang mudah untuk meraih pahala dalam pelbagai aktiviti sehari-hari sesuai dengan al-Qur'an dan Sunnah baginda Rasullullah S.A.W.


SINOPSIS BUKU



NINOT AZIZ
Lipur Lara nusantara
Kuala Lumpur : Patriots Publishing, 2020.
ISBN: 9789672437031

Pasti anda semua tertanya-tanya, apa kepentingannya untuk tahu akan hikayat, mitos dan legenda ini yang mungkin dianggap sekadar dongeng semata-mata. Tetapi itulah keindahan budaya Nusantara dan ketinggian bahasa serta pemikiran masyarakatnya yang merakamkan sejarah dalam bentuk seni dan sastera supaya ia mudah diterima dan dihadam minda. Kisah Hang Tuah, Mahsuri, Puteri Gunung Ledang dan Sang Kancil merupakan sebahagian kecil sahaja daripada pelbagai lagi cerita rakyat di Nusantara. Namun untuk pengetahuan anda semua, masih terdapat pelbagai lagi cerita rakyat, hikayat, legenda yang tidak banyak diketahui oleh masyarakat. Misalnya, kisah empat ratu Pattani mentadbir negara dengan penuh berwibawa dan berjuang mempertahankan tanah air daripada ancaman musuh serta bagaimana Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang bertarung hebat sehingga kawasan pertarungan menjadi padang jarak padang terkukur. Buku ini akan membawa anda menggali sejarah melalui cerita rakyat, hikayat dan legenda supaya pengajaran yang tersirat di dalamnya dapat kita pelajari bersama-sama.


SINOPSIS BUKU



NAIM TAMDJIS
Manuskrip Melayu yang hilang
Kuala Lumpur : Patriots Publishing, 2020.
ISBN: 9789671734483

Buku ini memberi gambaran dan kesedaran bahawa orang Melayu kaya ilmu pengetahuannya yang terakam dalam manuskrip Melayu. Hal ini memberi kesedaran awal terutama generasi muda akan kewujudan manuskrip Melayu. Terdapat lebih 20,000 manuskrip Melayu bertebaran di seluruh dunia tetapi hanya 5% sahaja yang dikaji. Malah generasi sekarang atau dahulu tidak terdedah dan mengetahui tentang kekayaan ilmu orang Melayu dahulu kala yang terakam dalam manuskrip Melayu. Bukan sahaja ilmu mengenai hikayat serta cerita penglipur lara, undang-undang dan agama tetapi manuskrip yang terakam menyentuh mengenai bab ekonomi, sains dan teknologi, nikah kahwin serta adat dan pelbagai lagi. Malah unsur mistik juga turut dimasukkan ke dalam manuskrip Melayu seperti cara membuat sihir, jampi dan serapah, gambaran wajah dan bentuk jin serta syaitan.

SINOPSIS BUKU



WAN NURULASIAH WAN
MUSTAPA, ABDULLAH AL
MAMUN, RAJENND
MUNIANDY

**Effectiveness of development
programs**

Kota Bharu, Kelantan : UMK
Press, 2019.
ISBN: 9789672229513

Malaysian development organisations offered a diversity of programmes to uplift the socio-economic conditions among the low-income households in Kelantan, Malaysia. This book examined the impacts of two initiatives namely access to micro-credit and enterprise development training programmes on households' income, micro-enterprise assets and vulnerability among the low-income households in Kelantan, Malaysia. By adopting a cross sectional design, the data were collected through random selection across the participants list of three development organisations which are AIM, TEKUN and LKIM. The regression analysis shows that access to micro-credit and enterprise development training programmes have positive impact on households income, micro-enterprise income and micro-enterprise assets in order to decrease the level of economic vulnerability among the low-income households in Kelantan, Malaysia. This book extends the limited literature of households income, micro-enterprise income, micro-enterprise assets, economic vulnerability and extends the role of access to micro-credit and enterprise development training programmes, to provide new understanding of the impacts of contemporary development initiatives.

SINOPSIS BUKU




RASYID ABDUL RAHMAN
7 tabiat orang yang berjaya
Puchong, Selangor : Pustaka Ibnu Katsir Sdn. Bhd., 2020.

ISBN: 9789670932361

Buku ini merupakan sebuah buku yang secara jelas membahas sepotong hadis popular iaitu: "Ada tujuh golongan manusia yang dinaungi Allah SWT dengan naungan rahmat-Nya pada hari di mana tidak ada naungan kecuali naungan rahmat Allah SWT."(HR Bukhari & Muslim) Apakah tabiat-tabiat orang yang mendapat rahmat dan cinta yang begitu tinggi dari Allah SWT? Sehingga mereka ini menjadi manusia yang paling beruntung pada hari kiamat kelak. Buku motivasi Islamik ini merungkai setiap tabiat jika kita kuasai walaupun hanya satu, akan menjadikan kita insan yang berjaya di dunia dan lebih berjaya di akhirat. Buku ini diharapkan dapat menginspirasikan kita untuk berusaha menjadi salah satu golongan hebat yang mendapat perlindungan di padang mahsyar kelak. Jika kita berusaha mendapatkan kejayaan pada hari pertimbangan amal, pastinya kita akan menjalani kehidupan dengan lebih baik lagi serta turut mengecapi kejayaan di dunia.

SINOPSIS BUKU



KHAIRUL KHAIRUDIN, FARIS NAZRIN, DURA AIN, HIDAYU DR ZUL AZLIN, DR MOHD HAZREEN, DR HIDAYAH JARIS


Aku dijangkiti kehidupan : cerita-cerita pesakit dan perawat psikiatri

Cheras, Selangor : Penerbitan Katapilar (M) Sdn Bhd, 2020.

ISBN: 9789672014669

Tidak semua orang benar-benar ‘hidup’- menjalaninya seperti majoriti masyarakat. Belajar, bekerja, berkeluarga, bersosial dan tiba di akhir usia dengan *happily ever after*. Kehidupan kadangkala satu tumor – tumbuh dan mencengkam pada batang tubuh, menyedut segala yang manis dan indah – lalu menukarnya menjadi racun dan mimpi ngeri. Kehidupan kadangkala satu sumpahan, membuatkan ia menjadi begitu hodoh dan menyakitkan. Buku ini adalah himpunan catatan oleh mereka yang menjalani hidup dengan rasa dan derita – yang berbeza daripada manusia lainnya. Fizikalnya kelihatan sempurna – tetapi di dalam penuh liang luka. Ia catatan para penderita masalah kesihatan mental dan psikiatri serta perkongsian para perawatnya. Buku ini merupakan buku tentang pesakit dan doktor psikiatri – tentang hidup, dan mungkin tetang kematian. Juga tentang pertempuran sengit yang kelihatan senyap dari luar – tetapi bising, kalut dan huru-hara di dalamnya.


SINOPSIS BUKU



DR. SAYOGA
Mencegah strok dan serangan jantung
Johor Bahru, Johor:
Penerbit UTM Press,
2020.
ISBN: 9789674607982

Buku ini merangkumi mengenai kes strok dan serangan jantung yang sering kita teringatkan yang ia hanya berlaku kepada orang yang lanjut usia, berat badan berlebihan, malas bersenam dan merokok. Walaupun usia merupakan salah satu faktor risiko besar, namun sesiapa sahaja tanpa mengira usia boleh mengalami strok. Amalan gaya hidup ketika ini sangat meningkatkan risiko terkena strok. Walaupun merokok, berlebihan lemak di perut, pengambilan alkohol yang berlebihan tidak menyebabkan serangan strok serta-merta, namun secara beransur-ansur risikonya akan meningkat. Perkara utama yang harus difahami ialah semua individu mempunyai risiko mendapat serangan strok dan bukan hanya golongan tua. Yang penting semua bergantung pada sikap kita. Pemakanan sihat, senaman teratur, dan tidak merokok akan mengurangkan risiko secara mendadak.


SINOPSIS BUKU



KHAIRY TAJUDIN
**Ceritera guru : travelog
cikgu - cikgu**
Jitra, Kedah: KTR Press,
2020.
ISBN: 9789674750268

Buku ini menghimpunkan ceritera daripada 19 orang penulis yang mempunyai latar belakang sebagai guru. Kerjaya sebagai guru tidak semudah yang di sangka oleh segelintir masyarakat. Banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh guru dalam mendidik anak murid untuk memastikan anak murid mereka berjaya dalam kehidupan akan datang dan menjadi orang yang berguna. buku ini banyak menceritakan kisah-kisah dan pengalaman guru sama ada manis, pahit dan lucu. Semua cerita terkumpul dalam buku ini. Dalam memastikan kerja sebagai guru tercapai banyak dugaan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh guru. Nasihat dan pesanan juga ada terdapat dalam buku ini. Buku ini juga sangat sesuai untuk pembacaan umum dan juga bakal guru bagi bersedia dalam memikul tanggungjawab sebagai seorang guru.


SINOPSIS BUKU



SAKINAH ABU BAKAR
Spektrum rindu
Selangor: Nuha Creative Resources, 2020.
ISBN: 9789671700495

Buku ini mengisahkan tentang kisah kehidupan penulis yang rindu kepada kedua – dua ibu bapanya dan penulis juga mempamerkan momen – momen indah bersama sepanjang hayat mereka sekeluarga. Buku yang berkonsepkan anekdot ini lebih menceritakan kisah penulis yang banyak cabaran dan pengorbanan yang dilalui dalam mengejar kehidupan yang lebih bermakna. Kesukaran dalam hidup menjadi suatu hikmah yang tidak terbandingkan kerana daripadanya terbentuk keperibadian dan ketajaman hasrat untuk merealisasikan impian sehingga menjadi kenyataan. Kehidupan tidak akan lebih bermakna tanpa ujian. Buku ini adalah sebuah kisah hidup, bingkisan hati yang merindui masa lampau yang membahagiakan dan menginginkan masa kini yang sejahtera serta kehidupan abadi yang dirahmati selama – lamanya, dengan izinNya jua.

SINOPSIS BUKU



MOHD RADZI BIN
ABDUL HAMID
**Bangkit berlari: sebuah
catatan perjalanan**
Kuzak Zain
Sungai Buluh, Selangor:
MkBgd, 2020.
ISBN: 9789671668030

Buku ini merangkumi cerita mengenai kisah seorang aktivis pelari kental yang bernama Kuzak Zain. Beliau seorang aktivis pelari yang sangat aktif dalam menyertai pelbagai program larian dan telah berjaya merangkul banyak kejuaraan pertandingan larian pecut atau 'sprinter' kriket dan kemudiannya mencipta nama dalam larian jarak jauh. Kisah beliau menjadi lagi tragis apabila beliau mengalami kemalangan yang menyebabkan beliau tidak boleh bangun dan berlari lagi seperti biasa. Semangat beliau untuk berlari menjadi punah apabila musibah menimpa beliau. Sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan lari yang ada telah memberikan semangat kembali kepada beliau untuk terus bangkit berlari dalam aktiviti larian. Beliau tidak pernah berputus asa walaupun dalam keadaan tidak stabil masih lagi bersemangat untuk meneruskan cita – cita sebagai pelari yang sangat profesional. Buku ini sangat bagus sebagai motivasi kepada umum untuk terus berusaha sekiranya kita telah gagal pada masa lampau. Usaha, semangat dan sokongan daripada sekeliling menjadikan kita lebih kuat menghadapi cabaran hidup.

SINOPSIS BUKU




Titisan berharga buat si manja: kisah inspirasi penyusuan ibu Johor Bahru: Kelab Sokongan Penyusuan Susu Ibu Johor Bahru, 2020.

ISBN: 9789671755006

Buku ini merupakan buku berkonsepkan anekdot dan menceritakan kisah dan pengalaman para ibu dalam penyusuan anak – anak mereka. Terdapat pelbagai citarasa dalam setiap kisah yang dihidangkan, sedih, gembira, geram, lega dan sebagainya untuk santapan nurani para pembaca. Segala perkara yang berlaku pasti ada hikmahnya untuk kita semua muhasabah dan fikirkan. Ilmu penyusuan susu ibu ini tidak hanya terhad daripada teori dalam buku sahaja, tetapi pengalaman yang kita lalui ini tiada sempadan kerana ilmu Allah SWT ini sangat luas untuk diterokai dan dihayati. Buku ini juga boleh dijadikan sumber motivasi dan galakan kepada golongan ibu untuk terus membekalkan faedah kesihatan dan khasiat yang hanya diperolehi dari susu ibu kepada bayi.

SINOPSIS BUKU




MOHD MAZHAN TAMYS,
NANY SUHAILA ZOLKEFLY

Guru prihatin : teori dan praktis

Ayer Keroh, Melaka: SYFE Management Sdn. Bhd., 2021.
ISBN: 9789672496379

Konsep guru prihatin merujuk kepada sikap yang diinterpretasikan sebagai tahap pemikiran, perasaan dan reaksi yang timbul dan dipengaruhi pengalaman lepas, persepsi dan sejauh mana penglibatan seseorang guru dengan inovasi pendidikan. Konsep ini juga berkait rapat dengan beberapa konsep yang mempunyai makna yang hampir sama iaitu pembaharuan dan inovasi dalam pendidikan. Perubahan dan pembaharuan dalam pendidikan bertujuan memberi nilai tambah, memantapkan dan menjadikan pendidikan sedia ada selari dengan kehendak dan tuntutan semasa. Perkongsian pengalaman yang ditampilkan dalam buku ini diharapkan dapat menyuntik motivasi guru untuk terus kekal dan meningkatkan prestasi cemerlang dalam bidang keguruan. Buku ini juga membincangkan mengenai perubahan dan pembaharuan dalam pendidikan yang bertujuan untuk memberi nilai tambah, memantapkan dan menjadikan pendidikan sedia ada selari dengan kehendak dan tuntutan semasa.

SINOPSIS BUKU




MUHAMMAD NUR ASNAWI
ROMLY
**Pengurusan pendidikan dari
perspektif sekolah
pedalaman**

Ayer Keroh, Melaka: SYFE
Management Sdn. Bhd., 2021.
ISBN: 9789672496441

Buku ini berkongsi maklumat dan manfaat daripada pelbagai aspek pengurusan pendidikan. Pengurusan pendidikan mencakupi skop yang luas bagi menguruskan sesebuah institusi pendidikan baik dari segi aspek pembentukan kumpulan, pengurusan sumber manusia sehinggalah kepada pengurusan kewangan. Perspektif sekolah pedalaman dipilih kerana masalah kekurangan tenaga pengajar di kawasan ini berlaku saban tahun. Namun, masih terdapat guru yang sanggup berkorban demi memenuhi tanggungjawab sebagai pendidik walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Justeru, buku ini sedikit sebanyak dapat membuka mata masyarakat luar mengenai sekolah pedalaman dalam konteks pengurusan pendidikan agar tidak terpinggir dan tersisih. Semua jenis sekolah berhak mendapatkan perhatian sewajarnya agar kualiti pendidikan yang baik dapat disampaikan walau di mana sahaja kedudukan sekolah berkenaan. Kegagalan menguruskan institusi pendidikan ini akan membawa kepada kegagalan institusi pendidikan secara keseluruhannya.

SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD RIDHWAN AB.
AZIZ


**Konsep dan aplikasi fiqh
muamalat dalam sistem
perbankan dan kewangan
Islam**

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2020.

ISBN: 9789834901417

Mualamat adalah segala aktiviti dan hubungan antara manusia dengan manusia. Konsep muamalat ini amat luas skopnya dan salah satu cabang pengkhususan ialah sistem ekonomi Islam. Ia merujuk tatacara dan peraturan dalam perhubungan sesama manusia berlandaskan syariat Allah. Buku ini membawa lembaran baru kepada umat Islam dalam memahami dan mempraktikkan akad-akad fiqh muamalat dengan jiwa yang tenang tanpa sebarang perasaan curiga yang berlandaskan muamalat Islam sebenarnya dan berdasarkan dalil-dalil yang sahiih daripada al-Quran dan al-Sunnah. Antara topik yang dibincangkan dalam buku ini termasuk pengenalan kepada fiqh muamalat, sistem perbankan dan kewangan Islam, teori pemilikan, keahlian dan harta dalam Islam, akad simpanan (wadiyah), akad pertukaran (mu'awadat), akad perkongsian (shirkah), akad jaminan (thawthiqat), akad manfaat (manfa'ah), akad pelaksanaan tugas (wakalah) dan akad-akad lain.


SINOPSIS BUKU



SYED MAHADZIR SYED
IBRAHIM
**Membongkar misteri dewa &
dewi Yunani Purba**
Petaling Jaya, Selangor: Hijaz
Records Publishing, 2021.
ISBN: 9789672278399

Masyarakat Yunani purba menyembah dan percaya kepada dewa dewi. Zeus merupakan raja kepada segala dewa. Kepercayaan masyarakat Yunani juga merupakan kumpulan mitologi. Keyakinan terhadap kuasa dewa-dewa dikaitkan dengan aktiviti sehari-hari masyarakat Yunani purba. Selain itu, para dewa yang disembah mempunyai hari raya setiap empat tahun sekali, yang dianggap oleh masyarakat Yunani sebagai upacara suci dan perayaan terbesar bagi mereka. Bangsa Yunani memuliakan hari dan bulan, dan menjadikan musim untuk memecah terjadinya perang. Mereka menyalakan obor api besar sebagai lambang kekekalan para dewa. Masyarakat Yunani juga memperkenalkan aliran realisme melalui patung dan membuat dewa dewi mereka begitu manusiawi. Beberapa abad kemudian aliran realisme ini menyebar hingga ke India dan Jepun, di mana patung Buddha juga dibuat dalam gaya realistik. Dewa Yunani digambarkan seperti manusia, dilahirkan namun tidak akan tua, kebal terhadap apa pun, tidak boleh dilihat, dan tiap dewa mempunyai karakteristik tersendiri.

SINOPSIS BUKU



M AZIAN, MJC NOR SHEILLA,
R MUHAMMAD SYAFIQ,
NA NIK NORAFIDA
**Manual penggunaan sistem
rumah kaca CO₂ : kajian
adaptasi perubahan iklim dan
perhutanan**

Kepong, Selangor: Institut
Penyelidikan Perhutanan
Malaysia (FRIM), 2021.
ISBN: 9789672149989

Manual ini menyediakan maklumat sistem operasi rumah kaca CO₂ UKM. Pengguna akan dapat mempelajari cara penggunaan dan pengendalian sistem rumah kaca CO₂ UKM dengan bantuan gambar, jadual dan grafik yang mudah dan jelas. Namun, pengendalian alatan adalah unik dan kadang kala mungkin memerlukan khidmat nasihat secara langsung daripada pembekal. Jika terdapat sebarang masalah yang lebih serius dan kompleks, pengguna boleh menghubungi pemegang aset kepada sistem rumah kaca CO₂ iaitu Institut Perubahan Iklim, UKM. Alatan ini hanya boleh digunakan oleh pengguna yang berdaftar dan telah mendapat latihan cara penggunaan alatan serta telah membaca manual ini. Tujuan rumah kaca CO₂ UKM dibina adalah untuk menyediakan ruang kajian yang mempunyai kepekatan CO₂ yang lebih tinggi berbanding dengan kepekatan CO₂ di atmosfera, dalam keadaan persekitaran terkawal bagi melaksanakan kajian berkaitan adaptasi hutan dan perubahan iklim.